

TARIKH : 7 MAC 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

**22,319 pengguna berdaftar dalam IPR**

# 22,319 pengguna berdaftar dalam IPR

**PETALING JAYA** – Inisiatif Pendaftaran Rakyat (IPR) yang dilancarkan pada 26 Februari lalu telah mendapat sambutan membara, dengan 22,319 pengguna sah telah berdaftar menerusi laman web rasminya, [ipr.epu.gov.my](http://ipr.epu.gov.my).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, 52 peratus daripada pendaftaran adalah untuk Inisiatif Usahawan Makanan (Insan), 29 peratus untuk Inisiatif Usahawan Tani (Intan), manakala 19 peratus untuk Inisiatif Operator Perkhidmatan (Ikhsan).

“Jumlah pendaftaran tertinggi adalah dari Selangor pada 34 peratus, diikuti dengan rapat oleh Johor (11 peratus) dan Perak (sembilan peratus).

“Ramai rakyat mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka dan membina masa depan yang lebih cerah,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Rafizi menambah, tapak pertama Intan akan dilancarkan pada minggu pertama April ini, yang mana 20 penerima pertama akan mula memasuki tapak mereka dalam tempoh tiga minggu akan datang.

Dalam satu kenyataan ber-



**RAFIZI RAMLI**

lainan, Rafizi memaklumkan Malaysia telah menyertai Asia Zero Emission Community (AZEC) secara rasmi, blok tenaga yang terdiri daripada Jepun, Australia, dan negara-negara ASEAN kecuali Myanmar.

AZEC merupakan inisiatif bagi memacu peralihan tenaga daripada sumber hidrokarbon kepada sumber tenaga bersih dan tenaga boleh baharu serta aspirasi sifar bersih pelepasan gas rumah kaca yang lebih signifikan.

“Kerjasama ini mampu membuka peluang kepada Malaysia untuk mempercepatkan pemindehan teknologi dan pembiayaan hijau supaya dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat negara,” katanya.